UMNO - MAHATHIR

1984

KUALA LUMPUR, 23 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PEMIMPIN MUDA UMNO YANG INGIN BERTAPAK DALAM PUCUK PIMPINAN PARTI BAHAWA MEREKA AKAN DIBERI PELUANG UNTUK MEMBUKTIKAN KALIBER POLITIK MASING-MASING.

SEBAGAI ANGGOTA PARTI v MEREKA BEBAS MENYUARAKAN PENDAPAT TANPA MENGHADAPI SEBARANG TINDAK-BALAS DRI PUCUK PIMPINAN, KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM TEMURAMAH KHAS DENGAN AKHBAR MERDEKA, LIDAH RASMI UMNO -- DALAM KELUARAN KHAS MENJELANG PERHIMPUNAN AGUNG HE -33.

+SEKARANG INI KITA BUKAN SAHAJA TIDAK MENYINGKIRKAN SESIAPA TETAPI JUGA MEMBENARKAN MEREKA MENCABAR PUCUK PIMPINAN PARTI SERTA TERUS MENGEKALKAN KEDUDUKAN MEREKA v + KATANYA .

KATANYA WALAUPUN PEMIMPIN BOLEH DICABAR TETAPI MEREKA HARUSLAH DICABAR MELALUI SALURAN TERTENTU DAN TIDAK TERKELUAR DARIPADA DASAR-DASAR DAN TATATERTIB PARTI.

-- LAGI 2055/MB

UMNO - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELUAU BERPENDAPAT ARAHALKRAN ITU TIDAK MENGGUGAT KEMAJUAN PARTI SEBALIKNYA BILANGAN ANGGOTA PARTI MENINGKAT KEPADA 2.2 JUTA ORANG.

MUNGKIN GAYA YANG DIBAWANYA MENGGUGAT MEREKA YANG TIDAK MENDAPAT TEMPAT.

PERDANA MENTERI BERKATA PERUBAHAN YANG BELIAU PERKENALKAN BUKANLAH BEGITU CEPAT KERANA DIUSAHAKAN JAUH LEBIH AWAL SEBELUM BELIAU MENJADI PRESIDEN PARTI.

+KITA SEDANG BERLUMBA DENGAN DUNIA YANG SEMAKIN MAJU DENGAN PESAT. KALAU KITA BERGERAK DENGAN KEPANTASAN SEPERTI PADA ZAMAN DAHULU, KITA MUNGKIN KETINGGALAN,+ KATANYA.

OLEH YANG DEMIKIAN PROSES PERUBAHAN PERLU DIPERCEPATKAN SUPAYA NEGARA TIDAK KETINGGALAN.

+SAYA BERPENDAPAT SAYA TIDAK MUNGKIN MEMIMPIN PARTI TERLALU LAMA UNTUK MENUNGGU MASA MELAKSANAKAN BEBERAPA IDEA YANG SUDAHPUN DIKAJI SEBELUM SAYA MEMIMPIN PARTI,+ KATA BELIAU.

SOAL BANYAK ATAU SEDIKIT PERUBAHAN TLDAK PERLU DIJADIKAN SASARAN TETAPI YANG PENTING IALAH PERUBAHAN ITU DITERIMA ATAU TIDAK. -- LAGI 2100/MB

NNNN

ZCZC 8634

UMNO - MAHATHIR 3 KWALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BAGI BELIAU ADALAH TIDAK MENJADI MASALAH SEKIRANYA RAKYAT MARAH KEPADA BELIAU KERANA SESUATU PERUBAHAN ITU TIDAK BAIK.

+SAYA RELA MENYERAH KEPADA SESIAPA YANG LEBIH MUDAH DITERIMA OLEH RAKYAT v +KATA BELIAU.

DITANYA MENGENAI BENTUK DAN CORAK KEPIMPINAN UMNO, BARISAN NASIONAL DAN KERAJAAN YANG BELIAU INGIN MELIHAT SELEPAS BERSARA NANTI v BELIAU BERHARAP APA YANG DIMULAKANNYA AKAN DITERUSKAN.....

+TETAPI SAYA PERCAYA SETIAP PEMIMPIN MESTI MEMPUNYAI STAILNYA SENDIRI,+ KATA BELIAU.

MENGENAI SUASANA PERSIDANGAN YANG IDEAL, BELIAU BERKATA SUASANA SEPERTI DAHULU ADALAH LEBIH IDEAL DI MANA PEMILIHAN TOKOH TIDAK MEMESONGKAN PERHATIAN PERWAKILAN SEHINGGA TIDAK DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP ISU-ISU YANG DIBAHASKAN.

KATANYA SEBELUM PERLEMBAGAAN PARTI DIPINDA BAGI MEMBOLEHKAN PEMILIHAN DEADAKAN TIGA TAHUN SEKALI, PERSIDANGAN DAPAT BERJALAN SEPERTI BIASA TANPA MENGGANGGU PERBAHASAN ISU-ISU TERTENTU MESKIPUN PEMILIHAN DIADAKAN SETIAP TAHUN. -- BERNAMA 2105/MB